



Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD, HADI AB. MANAP, AIN SAFRE BIDIN dan TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF**
utusannews@mediamulia.com.my

Daftar bawah jabatan agama memudahkan operasi tahfiz

PASIR SALAK: Mendaftar di jabatan agama negeri akan lebih memudahkan proses pengoperasian pendidikan di pusat tahfiz.

Itu saranan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Islam Tahfiz Al-Amin di Chen-derong Balai dekat sini, Mohamad Hafiz Hamidon, mengambil contoh pusat tahfiz yang masih belum berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

Menurut beliau, pusat tahfiz itu berdaftar dengan JAIPk lebih tiga tahun lalu dan kini beroperasi dengan baik berdasarkan garis panduan yang diberikan JAIPk.

Katanya, garis panduan JAIPk itu penting untuk urus tadbir pusat tahfiz yang lebih tersusun.

“Memang baik apabila pusat tahfiz didaftarkan di bawah jabatan agama kerana ada garis panduan untuk diikuti oleh guru selain memudahkan proses pendidikan.

“Jabatan agama bukan sahaja memberi pelbagai bantuan dari segi kewangan kepada pusat tah-



Jika tanah itu milik mudir, mereka hanya perlu beri kebenaran untuk kegunaan pusat tahfiz. Tetapi paling ketara mengapa banyak pusat tahfiz belum berdaftar adalah prosesnya yang lama di pihak pejabat agama daerah atau jabatan agama negeri.”

AHMAD HUZAIFAH MOHD. HAZIR

fiz yang berdaftar tetapi dari segi silibusnya juga diberikan sebagai garis panduan guru.

“Berdaftar (dengan jabatan agama) memang banyak membantu pusat tahfiz ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, selain aspek

pengajaran dan pembelajaran yang tersusun dan mempunyai garis panduan, aspek lain terutama keselamatan juga terjamin jika pusat tahfiz berdaftar di bawah jabatan agama.

“Jadi, saya sarankan pusat tahfiz agar mendaftar di bawah

jabatan agama kerana ada peraturan bukan sahaja dari aspek pendidikan, tetapi juga semua, terutama aspek keselamatan.

“Apabila sudah ada panduan yang diberikan, kita cuma ikut sahaja, sudah tentu lebih mudah jika ada apa-apa yang berlaku,” katanya.

BIROKRASI PENDAFTARAN

Dalam pada itu di Alor Setar, Kedah, proses pendaftaran pusat tahfiz yang mengambil masa sehingga dua tahun baru disahkan pendaftaran antara punca sege-lintir pengusaha memilih membuka operasi secara ‘haram’.

Ini kerana walaupun permohonan lengkap dengan dokumen-dokumen disyaratkan dan keselamatan premis dipatuhi, prosés yang panjang itu membuatkan ada antaranya pengusa-

hanya mengambil langkah ‘separuh jalan’.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Persatuan Institutisi Tahfiz al-Quran (Pinta) Kedah, Ahmad Huzaifah Mohd. Hazir berkata, sebelum ini pusat tahfiz yang tidak berdaftar berdepan masalah berkaitan tanah yang disyaratkan perlu diwakafkan.

Bagaimanapun, menurut beliau, peraturan itu sudah dilonggarkan kepada hanya perlu mendapatkan kebenaran pemilik sekiranya tanah tersebut tidak diwakafkan untuk tujuan pengoperasian pusat tahfiz.

“Misalnya, jika tanah itu milik mudir, mereka hanya perlu beri kebenaran untuk kegunaan pusat tahfiz. Tetapi paling ketara mengapa banyak pusat tahfiz belum berdaftar adalah prosesnya

yang lama di pihak pejabat agama daerah atau jabatan agama negeri.

“Itu belum termasuk peman-tauan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memasti-kan faktor keselamatan di premis dipatuhi. Kesemua proses ini dari awal makan masa lama dan ada tahfiz yang diuruskan mudir yang sudah berusia dan tidak tahu apa perlu dilakukan,” ka-tanya.

Mengikut rekod yang diper-olehi ketika pertengahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu, dianggarkan kira-kira 200 buah pusat tahfiz di Kedah be-lum berdaftar dengan jabatan agama negeri itu.

Selasa lalu, akhbar ini me-laporkan, institusi tahfiz di ne-gara ini perlu ‘diputihkan’ den-gan memastikan kira-kira 1,000 pusat pengajian itu yang belum berdaftar berbuat demikian demi kebajikan pelajari.

Usaha itu bagi melindungi se-jumlah 63,168 pelajar dan 8,484 guru di 1,208 institusi tahfiz yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN) daripada terkena tempas negatif



MENDAFTAR pusat tahfiz bagi memastikan kualiti dan silibus yang standard di seluruh negara.

Semua pusat tahfiz, pondok berdaftar



“**Saya menyeru kepada pengurusan 13 institusi yang belum berdaftar segeralah berbuat demikian, JAIM sedia membantu. Bila didaftarkan adalah**

ekoran masalah yang berlaku di pusat pengajian tidak sah.

Tambah Ahmad Huzaifah, terdapat juga pusat tahfiz yang belum berdaftar kerana sudah kukuh termasuk dari segi kewangan dan pengurusan yang tidak memerlukan mereka mengikut proses-proses ditetapkan jabatan agama di negeri masing-masing.

“Umum mengetahui, sekiranya kita mengoperasikan pusat tahfiz yang berdaftar akan memudahkan apa-apa bantuan termasuk dari kerajaan disalurkan lebih-lebih lagi apabila tidak dapat dibuka ketika pandemik Covid-19 lalu.

“Tetapi untuk pusat tahfiz yang sudah mampu berdiri sendiri, mereka tidak perlukan semua itu. Namun, timbul juga isu apabila tidak berdaftar dan tetap beroperasi pada PKP lalu, ada ibu bapa bertanya mengapa kami yang berdaftar ini tidak buka sedangkan ada pusat tahfiz masih meneruskan pembelajaran seperti biasa,” katanya.

BIMBANG ‘CAMPUR TANGAN’ SILIBUS


Sementara itu, majoriti institusi tahfiz yang enggan mendaftarkan pusat pengajian mereka dengan pihak berkuasa agama negeri (PBAN) atau persatuan berpendapat bahawa proses berkenaan bakal mewujudkan ‘campur tangan’ dalam pentadbiran dan silibus pembelajaran.

Timbalan Pengerusi Persatuan Institusi Tahfiz Melaka (Pinta Melaka), Amirul Fadzly Jamil berkata, ‘kepercayaan karut’ itu dilihat hanya merugikan pelajar memandangkan segala bentuk

DI Kuala Terengganu, Terengganu, semua 95 pusat tahfiz dan sekolah pondok yang beroperasi di negeri ini berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi negeri, Satiful Bahari Mamat berkata, pusat tahfiz dan sekolah pondok swasta itu turut mematuhi syarat-syarat JHEAT.

“Kesemua pusat pengajian itu sudah berdaftar dengan JHEAT termasuk milik persendirian atau swasta,” katanya.



SATIFUL BAHARI MAMAT

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan terdapat pusat tahfiz yang baru ditubuhkan dan sekolah pondok berskala kecil belum berdaftar dengan JHEAT tetapi dalam proses permohonan.

“Bagi yang belum mendaftar, saya sarankan segera berbuat demikian kerana pelbagai faedah boleh diperoleh pusat tahfiz yang disahkan.

“Pusat tahfiz perlu berdaftar untuk menjamin keselamatan pelajar dan mengelak daripada sebarang kejadian tidak diingini,” jelasnya.



AMIRUL FADZLY JAMIL

bantuan terutamanya daripada kerajaan tidak dapat disalurkan dengan sepatutnya.

Beliau berkata, tanpa pengiktirafan kerajaan atau sokongan daripada persatuan, masa depan penuntut juga seolah-olah diperjudikan kerana anak-anak tahfiz yang belajar di situ bakal



ADA pihak mempergunakan institusi tahfiz bagi tujuan mengutip derma pembinaan bangunan yang tidak wujud. - GAMBAR HIASAN

berdepan kesukaran melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi kelak.

“Saya mewakili Pinta Melaka memang ada buat lawatan ke

sekolah-sekolah tahfiz yang tidak berdaftar dengan PBAN. Jawapan popular yang diberikan adalah kerana majoriti mudir khuatir akan ada campur tangan kerajaan

mudah sebarang bentuk bantuan dapat disalurkan.”

CHE SUKRI CHE MAT

dalam pentadbiran dan silibus.

“Walhal kita sudah jelaskan bahawa, ia sebenarnya tidak berlaku. Pendaftaran hanya akan menguntungkan mereka yang mana segala bentuk bantuan kerajaan dapat disalurkan dan nasib para pelajar juga lebih terjamin.

“Saya juga ada mengingatkan mereka kesan tidak berdaftar apabila berlakunya perkara tidak diingini contohnya kebakaran. Siapa akan dipersalahkan? Siapa perlu dipertanggungjawabkan? Tapi rata-rata mereka gemar berkata, ‘kita tawakal sahaja kepada Allah’,” katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Datuk Che Sukri Che Mat berkata, terdapat 115 institusi pendidikan Islam (IPIS) yang terdiri daripada pusat tahfiz, pondok, sekolah rendah Islam swasta dan sekolah menengah Islam swasta beroperasi di negeri ini.

Katanya, daripada jumlah itu, kerajaan negeri mengenal pasti hanya 13 IPIS belum berdaftar manakala satu lagi institusi sedang dalam proses pendaftaran.

“Saya menyeru kepada pengurusan 13 institusi yang belum berdaftar segeralah berbuat demikian, JAIM sedia membantu. Bila didaftarkan adalah mudah sebarang bentuk bantuan dapat disalurkan,” katanya.